


PENANG 2030
# BULETIN MUTIARA
PERCUMA
1 - 15 APRIL, 2022
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Prestasi pelaburan TERTINGGI dalam negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Prestasi pelaburan bagi sektor pembuatan Pulau Pinang terus cemerlang apabila jumlah pelaburan pembuatan diluluskan bagi tahun 2021 melonjak ke paras tertinggi iaitu RM76.2 bilion berbanding tahun sebelumnya (2020) sebanyak RM14.1 bilion.

Malah, jumlah RM76.2 bilion itu juga merekodkan prestasi terbaik melebihi jumlah kumulatif pelaburan iaitu RM73.1 bilion dari tahun 2012 hingga 2020 untuk Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, meskipun kebanyakan industri terjejas kerana berdepan cabaran penularan COVID-19, namun Pulau Pinang tetap mengorak langkah dengan mencatatkan peningkatan mendadak sebanyak 440 peratus berdasarkan kedudukan dari tahun ke tahun serta mendahului negeri-negeri lain dengan menyumbang sebanyak 39 peratus daripada keseluruhan pelaburan negara.

"Pulau Pinang terus cemerlang dalam sektor-sektor galakan utama seperti elektrik dan elektronik (E&E), mesin dan peralatan, teknologi perubatan serta bidang termaju lain.

"Saya yakin bahawa ekosistem Pulau Pinang yang teguh dengan kumpulan bakat yang kukuh membolehkan syarikat mencapai daya tahan dalam rantaian bekalan dan kelebihan operasi.

"Setinggi-tinggi penghargaan atas keyakinan para pelabur terhadap Pulau Pinang serta sekalung penghargaan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan *InvestPenang* (IP) dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi serta memudah cara pelaburan ke negeri ini," ujarnya dalam kenyataan media yang disiarkan oleh IP di sini pada 9 Mac 2022.

Sebelum itu, pada 8 Mac 2022, MIDA dalam sidang media yang diadakan secara maya mengumumkan bahawa jumlah pelaburan sebanyak RM76.2 bilion itu melibatkan 111 projek yang diluluskan bagi tahun 2021 di Pulau Pinang.




Pulau Pinang juga merupakan penerima pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi di Malaysia apabila menyumbang sebanyak RM74.4 bilion atau 98 peratus daripada keseluruhan pelaburan pembuatan yang diluluskan untuk Pulau Pinang (peningkatan dari tahun ke tahun sebanyak 606 peratus) dan menguasai 41 peratus daripada FDI negara.

Pencapaian FDI tersebut diperoleh melalui projek daripada *Intel Electronics* dan *Ibiden Electronics*, manakala pelaburan langsung domestik (DDI) sebanyak RM1.8 bilion pula disumbang antaranya oleh *Greatech Integration*.

# Pencapaian luar biasa atlet paralimpik remaja terima ganjaran SKIMAS

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Pencapaian dua atlet paralimpik remaja kelahiran Pulau Pinang pada Kejohanan Paralimpik Remaja Asia 2021 di Bahrain baru-baru ini melayakkan mereka menerima insentif kewangan melalui Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, meskipun SKIMAS tidak memperuntukkan insentif kewangan bagi temasya sukan kategori remaja, namun berlandaskan pencapaian luar biasa dan cemerlang kedua-dua atlet paralimpik itu wajar dihargai.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat berbesar hati meluluskan pemberian insentif kewangan kepada dua atlet paralimpik yang telah mengharumkan nama negara dan negeri Pulau Pinang.

"Tahniah dan bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya berharap kedua-dua atlet ini dapat meneruskan usaha mereka untuk mencipta kemenangan pada acara atau kejohanan akan datang," ujarnya pada Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini pada 23 Februari 2022.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, A. Kumaresan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Batu Uban) dan Joseph Ng Soon Siang (ADUN Air Itam); Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua; Presiden Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) Negeri Pulau Pinang, Ilias Yahaya serta Setiausaha Kehormat PESRON Negeri, Rashidah Mat Saad.

Pada majlis tersebut, **ZY LEE KHER**, 15, yang merupakan atlet renang paralimpik menerima insentif kewangan berjumlah RM4,200 setelah berjaya menyumbang satu pingat emas, perak (1) dan gangsa (1) masing-masing menerusi acara renang 200 meter gaya bebas (S1-5) lelaki dengan catatan masa 3:03.91; 50 meter (m) kuak kupu-kupu (S2-7) lelaki (59.09m) dan 200 meter rampaian individu (SM5-10) (3:58.69).

Manakala, **MUHAMMAD AMIN AZMI**, 18, yang berjaya merangkul pingat perak pada kejohanan sama menerusi acara badminton menerima insentif kewangan berjumlah RM1,200.



**SOON Lip Chee (tengah) dan Harry Chai Heng Hua (kiri sekali) merakam gambar bersama-sama Muhammad Amin Azmi (kanan sekali).**



**KETUA Menteri memerhatikan pingat dimenangi Zy Lee Kher (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ilias Yahaya (kanan sekali) dan Muhammad Amin Azmi (kiri sekali) pada Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini.**

Sementara itu, Ilias ketika ditemui menzahirkan rasa bangga atas pencapaian Lee Kher dan Muhammad Amin.

"Sebenarnya PESRON melahirkan ramai atlet paralimpik yang cemerlang dan bertaraf dunia.

"Misalnya mereka berdua (Lee Kher dan Muhammad Amin) yang mana mereka ini masih muda dan mempunyai semangat juang yang tinggi.

"Saya harap insentif kewangan ini akan membakar semangat mereka dan atlet-atlet paralimpik remaja lain untuk menyertai dan menang kejohanan akan datang," katanya sambil menyatakan harapan agar lebih ramai yang cakna akan pencapaian luar biasa atlet istimewa ini.

Kejohanan Paralimpik Remaja Asia 2021 berlangsung pada 2 hingga 6 Disember 2021 yang mana seramai 13 atlet remaja 'luar biasa' berusia antara 13 hingga 23 tahun dihantar untuk mewakili Malaysia. Kontinjen negara berjaya membawa pulang tiga (3) pingat emas, perak (5) dan gangsa (5).

Difahamkan, penyertaan atlet ke kejohanan tersebut adalah melalui Majlis Paralimpik Malaysia yang mana atlet remaja negara mengambil bahagian dalam enam daripada sembilan acara sukan yang dipertandingkan. Antaranya olahraga, badminton, boccia, ping pong, renang dan *'powerlifting'*.

## Kelewatan SPRWTS, PBAPP pertimbang pelan kontigensi termasuk operasi loji desalinasi

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bercadang melaksanakan pengoperasian loji desalinasi atau nyah garam secara berperingkat bermula pada tahun 2030 dengan teknologi yang diguna pakai di negara Singapura, jika perbincangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) kian lewat mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Perak.

Mengulas lanjut, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa pada 1 Mac lepas, delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah membentangkan tawaran bersyarat dalam SPRWTS, namun pada hujung perbincangan itu menyaksikan pihak Menteri Besar, Y.A.B. Datuk Seri Saarani Mohamed berpendapat Perak mungkin tidak mempunyai lebihan air mentah untuk dijual kepada negeri ini.

"Pertemuan itu berakhir dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk menunggu hasil laporan akhir kajian kejuruteraan KASA (Kementerian Alam Sekitar dan Air) yang dijangka siap pada April 2022.

"Memandang ke hadapan, pengoperasian loji desalinasi di Pulau Pinang mungkin dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari tahun 2030.

"Sebagai sebuah negeri pulau yang dikelilingi oleh laut, Pulau Pinang mungkin menggunakan teknologi desalinasi (seperti Singapura) secara teorinya bagi memanfaatkan jumlah air mentah tanpa had untuk masa hadapan," jelasnya sambil memberitahu cadangan pembinaan loji desalinasi berkaitan merupakan pelan kontigensi PBAPP bagi memastikan jangkaan bekalan air terawat di Pulau Pinang sehingga tahun 2050 adalah mencukupi.

Susulan itu, Jaseni menjelaskan bahawa PBAPP pada 7 Mac lepas melaksanakan Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) dengan melibatkan lima projek berkaitan, iaitu:-

- Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) yang dijangka siap pada tahun 2022;
- Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu (jangka siap 2023);
- Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang (jangka siap 2024);
- Fasa 1 LRA Sungai Muda (jangka siap 2028); dan
- Skim Bekalan Air Sungai Perai (jangka siap 2028)

Menurut Jaseni dalam kenyataan media bertarikh 7 Mac lalu di sini, lima projek berkaitan merupakan komponen utama RWCP 2030 PBAPP dan ia akan menghasilkan 569 juta liter sehari (JLH) yang sekali gus meningkatkan kapasiti reka bentuk maksimum daripada 1,599 JLH kini kepada 2,168 JLH.

"Oleh itu, ia akan membantu memastikan Pulau Pinang mempunyai 'margin rizab' yang sihat dan mengelakkan krisis air sehingga 2030," ujarnya.

Terdahulu, PBAPP pada tahun 2019 mencadangkan Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai pelan hala tuju kejuruteraan bekalan air untuk memastikan keselamatan bekalan air untuk Pulau Pinang sehingga 2050.

Di bawah PWSI 2050, Jaseni menyatakan bahawa kertas cadangan itu telah disemak beberapa kali untuk menangani senario yang dihadapi iaitu proses rundingan SPRWTS ditangguhkan lagi hatta tidak dapat dilaksanakan menjelang 2030.

"Perlu diingat bahawa bekalan air adalah perkhidmatan awam penting yang memberi kesan kepada kehidupan harian 1.776 juta orang di Pulau Pinang, serta operasi beribu-ribu perniagaan.

"Dalam menghadapi senario ini, PBAPP mencadangkan pengoperasian loji desalinasi untuk memenuhi jangkaan permintaan air mentah Pulau Pinang," ulasnya.

# Arena Butterworth bakal tarik minat penganjuran antarabangsa

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan pada sesi lawatan ke Arena Butterworth di sini baru-baru ini.

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Arena Butterworth yang dijangka mendapat Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) pada bulan Ogos atau September ini bakal menarik minat pihak penganjur acara peringkat kebangsaan serta antarabangsa kelak.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian selepas melawat tapak projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bernilai RM59 juta yang hampir siap dekat Ampang Jajar di sini.

"Kita juga akan melihat ke depan untuk penganjuran acara peringkat kebangsaan dan antarabangsa di sini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada 12 Mac 2022.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga ADUN Pinang Tunggal; ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee yang juga Exco Belia dan Sukan; Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa proses permohonan bagi cadangan (RFP) untuk menyelia semua kemudahan Arena Butterworth sudah dibuka pada 15 Februari lepas kepada mana-mana firma yang berminat, dan akan tamat 21 Mac 2022.

Daripada 38 ekar tanah keseluruhannya, difahamkan, tapak projek pemajuan yang dilaksanakan oleh PDC setakat ini hanya 16.76 ekar termasuk 8.3 ekar ruang dewan bankuet serta parkir pelbagai jenis kenderaan.

Memenuhi reka bentuk sejagat, tiga sub dewan yang boleh diubah suai menjadi sebuah dewan bankuet besar mampu memuatkan kapasiti 300 meja jamuan atau 3,000 orang pada satu-satus masa.

1. **REKA bentuk lobi yang futuristik.**
2. **SALAH sebuah dewan bankuet yang mampu memuatkan kapasiti besar.**
3. **RUPA bentuk Arena Butterworth.**










## *CD Square* transformasi pendigitalan jana 2,000 peluang pekerjaan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menyasarkan untuk menarik minat 50 syarikat berasaskan digital kreatif sambil mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika melancarkan *Creative Digital District* (CD2) atau dikenali sebagai *CD Square* di Gat Lebuh China di sini pada 25 Februari lalu.

"Saya berharap pembukaan *CD Square* mampu menarik lebih banyak syarikat sebagai sebahagian daripada ekosistem ini yang mana digital sudah menjadi salah satu aspek kehidupan kini.

"Kita telah membangunkan sektor industri pada masa lalu, dan kini kita perlu membawa syarikat-syarikat berkaitan elektrik dan elektronik menjadi sebahagian daripada transformasi pendigitalan melalui pembukaan jalan ke arah digital.

"Sebagai permulaan, lapan syarikat telah menyatakan komitmen untuk berada di *CD Square* iaitu Angkasa-X, *BlueSkies*, *Censof*, CTAPPS, *Finexus*, Karuna Sarawak, *Securemetrics* dan *TriAset*," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada majlis berkaitan.



**KETUA Menteri 'berinteraksi' dengan salah sebuah ciptaan robotik ketika melancarkan *CD Square* di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain serta Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin.

Dianggarkan, *CD Square* adalah merangkumi 114 ekar bermula dari Pengkalan Weld, Lebuh Light, Jalan Masjid Kapitan Keling hingga ke Lebuh Acheh.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow menyatakan bahawa kini terdapat 10 taman perindustrian di Pulau Pinang serta syarikat berkaitan *Multimedia Super Corridor* (MSC) *Global Services* di *Suntech*, Bayan Baru.

"Kini, *CD Square* diwujudkan di George Town, Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Matlamatnya adalah mewujudkan satu permulaan ekosistem digital, keusahawanan, perkhidmatan digital dan syarikat perisian yang mampu menginovasikan gaya hidup sambil mengekalkan nilai-nilai warisan.

"Malah, saya juga percaya institusi pendidikan seperti Universiti Sains Malaysia (USM), *Wawasan Open University*, *The One Academy* dan lain-lain mampu melahirkan bakat-bakat baharu membabitkan karier dalam bidang digital serta industri kreatif," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padan Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

# Jersi *'To The Highest'* raikan ciri-ciri Pulau Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Pelancaran jersi pasukan bola sepak negeri, Penang FC untuk perlawanan Liga Malaysia di laman sendiri yang dinamakan *'To The Highest'* disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut Kon Yeow, jersi tersebut dihasilkan mengguna acuan tersendiri dalam bentuk olahan corak ombak biru kuning berserta nilai abstrak digital dengan pilihan unik.

"Reka bentuk jersi ini dipilih bagi meraikan ciri-ciri Pulau Pinang yang dikelilingi laut dan ia juga direka bentuk selaras dengan salah satu Visi Penang2030 iaitu *'Penang Smart City'* yang memfokuskan *'Penang Digitalisation'*.

"Umumnya, tema dan logo *'Sports For All'* terus dikekalkan sebagai lambang tajaan berterusan oleh Kerajaan Negeri di samping logo 'PKT' dan *'The Ship Campus'* yang merupakan penaja utama untuk musim Liga Super 2022," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada pengumuman berkaitan di sini 7 Mac lalu.



**KETUA Menteri menyapa salah seorang pemain tambatan pasukan Penang FC, Faiz Subri (kanan sekali) pada majlis pengumuman jersi *'To The Highest'* di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Lembaga Pengarah Penang FC, Dato' Norazmi Mohd. Nawawi dan S. Barathi; Pengurus Besar Penang FC, Jefferey Chew Gim Eam; Jurulatih Penang FC, Thomas Trucha dan barisan pemain Penang FC.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap pasukan Harimau Kumbang akan mencapai keputusan yang baik serta memenuhi harapan dan impian peminat-peminat yang mahukan pasukan kesayangan mereka mencapai kedudukan membanggakan.

"Semoga ia menjadi perangsang dan meniup semangat juang tinggi untuk pasukan negeri Pulau Pinang dalam mengulangi kejayaan-kejayaan silam.

"Pada masa sama juga, terus melahirkan bintang-bintang yang dapat mewakili pasukan bola sepak negara demi memartabatkan kembali kehebatan pasukan bola sepak negara di persada antarabangsa," serunya.

## RM293.93 juta kerja penyelenggaraan skim perumahan layak

**AIR ITAM -** Sejak tahun 2008 sehingga 1 Mac 2022, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah membelanjakan sebanyak RM293.93 juta bagi 29,944 kerja penyelenggaraan di kesemua skim perumahan awam dan swasta di negeri ini.

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, sejumlah RM214.26 juta melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan awam.

"Manakala bagi skim perumahan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebanyak RM24.81 juta telah dibelanjakan; skim perumahan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (RM4.59 juta) dan skim perumahan swasta di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP, RM50.26 juta)," ujarnya pada sidang media yang disiarkan secara langsung menerusi *Facebook Live* di sini pada 13 Mac 2022.




**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) bersama-sama Wong Hon Wai (tengah) dan wakil Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan Rumah Pangsa Padang Tembak pada sidang media sini baru-baru ini.**

Turut serta, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dan Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi.

Dalam sidang media sama, Jagdeep turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana meluluskan projek di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) sebanyak RM1.82 juta membabitkan 10 kerja penyelenggaraan.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menerima surat kelulusan tersebut pada 10 Mac 2022 yang lalu.

"(Dan) daripada jumlah yang diterima, sebanyak RM1.19 juta melibatkan tujuh kerja penyelenggaraan di bawah LPNPP; MBPP (RM431,000, dua kerja penyelenggaraan) dan MBSP (RM200,000, satu kerja penyelenggaraan).

"Peruntukan di bawah PPP ini merupakan kali ketiga diterima yang mana tahun 2020 sebanyak RM25.52 juta diterima dan RM4.47 juta (2021).

"Walau bagaimanapun, bagi tahun ini, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan sebanyak RM50.35 juta dan masih menunggu kelulusan pihak berkaitan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pihaknya juga masih menunggu kelulusan peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi skim perumahan swasta yang layak untuk tahun 2022.

"Permohonan telah dihantar melalui KPKT pada 29 Oktober 2021 dengan jumlah dimohon adalah RM84.41 juta," katanya.

Terdahulu, Jagdeep hadir ke Rumah Pangsa Padang Tembak bagi mengumumkan kelulusan peruntukan pembangunan RM2.4 juta melibatkan empat kerja utama di skim perumahan tersebut.

## Hospital pakar swasta Balik Pulau lonjak industri pelancongan perubatan

**PULAU TIKUS -** Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani Selgate Corporation Sdn. Bhd. (SPSB) bersama-sama MTT Properties and Development Sdn. Bhd. (MTTSB) adalah membabitkan pembinaan sebuah hospital pakar swasta di Air Putih, Balik Pulau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyaksikan majlis menandatangani MoU berkata bahawa penambahan hospital tersebut bakal melonjakkan industri pelancongan perubatan di negeri ini.

"Sebagaimana semua maklum, Pulau Pinang sedang bergerak ke arah negeri 'tua' yang mana median usia penduduk adalah 29.6 pada tahun 2015 kepada 31.5 pada tahun 2017, dan saya percaya ia semakin meningkat ekoran kesedaran penjagaan kesihatan yang baik dalam kalangan rakyat.

"Justeru, penambahan kemudahan hospital pakar di Balik Pulau merupakan sesuatu yang positif kerana kini lokasi tersebut hanya memiliki sebuah pusat perubatan milik kerajaan iaitu Hospital Balik Pulau," ujarnya pada majlis berkaitan di sini pada 17 Februari lalu.

Mengulas lanjut Kon Yeow memberitahu, MoU tersebut bakal menjadikan jumlah hospital swasta di negeri ini bertambah kepada 18 buah.

"Ini menjadikan Pulau Pinang terus unggul antara destinasi pelancongan perubatan terbaik di negara ini.

"Sebelum ini, Pulau Pinang merekodkan hasil sebanyak RM750 juta bersamaan 500,000 pesakit yang terbang ke negeri ini untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan serta perubatan pada tahun 2019.

"Selain itu, Pulau Pinang juga dinamakan antara destinasi terbaik untuk pelancongan perubatan melalui *Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021-2025*," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.



# Bukukan pengalaman 22 TAHUN



SR. Rozali Mohamud menunjukkan tag 'drebar' teksi yang masih disimpannya.

**KETIKA** Pulau Pinang dilanda taufan *'Damrey'* pada November 2017, beliau baru sahaja empat bulan dilantik sebagai teraju utama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan berada di luar negara atas urusan rasmi menyertai *CityNet Congress* di Sri Lanka.

Memahami kegelisahan penduduk di Seberang Perai berdepan musibah dan bertindak atas kapasiti sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), beliau kembali ke tanah air segera sebaik sahaja selesai pembentangan kertas kerja dan sesi perkongsian berhubung amalan terbaik serta penyelesaian inovatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di hadapan lebih 300 peserta dari rantau Asia-Pasifik.

Setibanya di Seberang Perai, beliau melihat sendiri suasana yang tidak pernah dilihat sebelum ini. Timbunan sisa pepejal yang terdiri daripada sampah, perabot, perkakasan elektrik, tilam dan lain-lain kelengkapan memenuhi segenap laluan dan lorong belakang.

Seramai 11,323 'Wira Oren' telah digerakkan ke semua kawasan terjejas dan MPSP (ketika itu) berjaya memindahkan 15,942 tan sisa pepejal ke tapak pelupusan dengan segera bagi mengelakkan menularnya wabak penyakit berkaitan banjir.

Tidak terhenti di situ, beliau turut memantau setiap pergerakan dan mengemas kini situasi semasa. Direkodkan, sebanyak 3,256 buah rumah rosak akibat banjir; 358 insiden rumah dihempap pokok; 162 kenderaan terperangkap manakala 15 ditimpa pokok; 1,194 pokok tumbang; 9,636 keluarga dipindahkan dan 171,428 mangsa banjir.

"Itulah pengalaman paling mencabar dan akan dikenang sampai bila-bila," ungkap **DATO' SR. ROZALI MOHAMUD** ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** pada sesi temu ramah eksklusif di kediamannya di Jalan Permatang Nibong pada 14 Februari lalu.

## Latar belakang dan kerjaya awal

Rozali merupakan Fellow Institut Juru Ukur Diraja Malaysia (FRISM); penilai hartanah berlesen dan pengurus harta berlesen yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia.

Berkelulusan dalam bidang penilaian dan ukur peringkat Sarjana Muda, bapa kepada lapan cahaya mata dan datuk kepada 11 cucu tersebut mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 16 April 1982 di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia selama lapan tahun.

Kemudiannya, berkhidmat di MPSP mulai 1 Februari 1990 sebagai Penolong Pengarah Penilaian sebelum dinaikkan pangkat ke Pengarah Jabatan Penilaian yang kemudiannya menjadi Setiausaha Perbandaran pada 1 Mac 2011. Pada 1 Julai 2017, beliau 'diangkat' menerajui MPSP dan kemudian menjadi Datuk Bandar Seberang Perai yang pertama di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 16 September 2019.

"Saya juga merupakan Ketua Auditor dan Auditor Dalaman ISO 9001 serta Ketua Pegawai Maklumat (CIO) di MBSP yang dipertanggungjawabkan untuk merangka inisiatif dan strategi bagi memacu Seberang Perai ke arah Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar.

"Bukan itu sahaja, pada peringkat antarabangsa, saya telah dipilih secara undian sebagai Naib Presiden bagi *World Smart Sustainable Cities Organization* (WeGo), yang mana ibu pejabat di Seoul, Korea Selatan bagi tempoh 2021 sehingga 2023.

"(Dan) merupakan penasihat dalam *The Climate Action and Low Emission Development Portfolio, The Local Government for Sustainability* (ICLEI) *Global Executive Committee* (GexCom) yang beribu pejabat di Bonn, Jerman bagi tempoh 2021 - 2024," ujarnya yang sering menjadi sebagai sumber rujukan PBT lain dalam negara terutama berkaitan penilaian semula harta berkadar, penilaian kadaran, penilaian loji serta jentera.

## Pemandu teksi pertama jadi Datuk Bandar

Siapa sangka, Rozali pernah memiliki 'Lesen Drebar' bagi Kereta Perkhidmatan Awam atau lebih dikenali sebagai teksi.

"Sekitar tahun 1980, selepas tamat pengajian peringkat menengah dan masih menuntut di universiti, saya menjadi pemandu teksi bagi mencari duit poket.

"Waktu itu, pemandu teksi dikenali sebagai 'drebar' kereta perkhidmatan awam dan saya hanya membawa penumpang dari Alor Setar ke Pulau Pinang.

"Berdasarkan pengalaman tersebutlah, saya telah memohon supaya stesen teksi di Bukit Mertajam ini diwartakan sebagai bangunan warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri.



LESEN 'drebar' yang dimiliki suatu ketika dahulu.

"Lagipun di stesen teksi itulah lahirnya seorang Datuk Bandar pertama di Seberang Perai ini dan seyogia dijadikan sebahagian warisan di Seberang Perai," katanya berseloroh.

Menurut Rozali, beliau juga merupakan Setiausaha Persatuan Ulamak dan pengerusi kariah masjid yang pertama dilantik sebagai Datuk Bandar untuk menerajui PBT terbesar dalam negara.

## Kenangan manis sebagai Datuk Bandar

Menyorot kembali, sepanjang berkhidmat sebagai Datuk Bandar, Rozali bercerita bahawa pelantikannya sebagai Datuk Bandar itu sendiri mengukir kenangan manis buat dirinya.

"Bukan sahaja ketika Seberang Perai diumumkan sebagai 'Bandar Raya' tetapi ketika diangkat menjadi Datuk Bandar pertama menerajui PBT terbesar di Malaysia adalah pengalaman manis buat saya.

"Malah, kedua-dua peristiwa tersebut mengukirkan sejarahnya tersendiri di Pulau Pinang selain menjadi negeri pertama dalam negara yang mana setiap inci tanah di negeri ini berada di bawah pentadbiran 'Bandar Raya' sama ada di MBSP mahupun MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang).

"Lagi satu adalah apabila menerima anugerah *'Productivity Champion Award'* daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada April 2021," katanya yang turut menzahirkan kesyukuran kerana mempunyai pasukan yang inklusif, responsif serta kreatif dalam mendepani sebarang isu kemasyarakatan, suatu ketika dahulu.

Ciri-ciri inilah yang membolehkan Seberang Perai merangkul sembilan anugerah dan pengiktirafan sepanjang tahun 2021 selain menjadi pemegang enam rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Juga, pencapaian Seberang Perai dalam menjayakan visi Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang lebih hijau dengan kadar kitar semula mencecah 55.91 peratus pada tahun 2020, pencapaian tertinggi di Malaysia.

## Cabaran sepanjang pandemik

Dikenali kerana kredibiliti memimpin dan mengurus atur, Rozali turut berkongsi pengalaman paling mencabar dalam kariernya sebagai Datuk Bandar.

"Saya ingat lagi, Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 kerana penularan virus COVID-19.

"Saya baharu sahaja empat (4) bulan menjadi Datuk Bandar MBSP…kalau sebelum ini semasa taufan *'Damrey'* saya baru empat bulan menjadi Yang Dipertua MPSP.

"Allahuakbar, memang waktu tersebut amat getir, maka pada 19 Mac 2020 saya tubuhkan Pasukan Kerja Pengurusan Krisis COVID-19 yang mana saya sebagai Pengerusi dan 24 ahli lain terdiri dalam kalangan Ahli Majlis serta Ketua Jabatan berkaitan.

"Setiap hari dilaporkan kadar jangkitan dan kematian meningkat, penduduk kehilangan pekerjaan, perniagaan serta industri 'gulung tikar', isu vaksin tak mencukupi dan sebagainya.

*(Sambungan di muka 6).*

(Sambungan dari muka 5).

# Cuba sesuatu yang baru, lakukan perubahan

"Setiap hari juga saya mendoakan keselamatan semua wira barisan hadapan dan menyuarakan agar mereka ini diberikan suntikan vaksin.

"(Dan) kemuncaknya, apabila terdapat pertambahan 15 kes baru positif di MBSP yang kemudiannya merebak…391 dijangkiti, manakala sembilan meninggal dunia.

"Susulan itu, saya mengaktifkan pelan kontigensi pada 10 Ogos 2021 yang mengandungi 18 pelan tindakan bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja MBSP serta memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas," ceritanya yang tidak pernah terlintas negara perlu berdepan krisis kesihatan paling dahsyat.

## Ke arah Seberang Perai Sisa Sifar

Agenda Kitaran Ekonomi Seberang Perai atau *Seberang Perai City Agenda on Circular Economy* memberi fokus terhadap pengurusan sisa organik, sisa hijau dan sisa buangan plastik.

Difahamkan, di bawah agenda berkenaan, lima peluang telah dikenal pasti yang akan memberi manfaat kepada rakyat seperti menggunakan sumber-sumber terbatas sebaiknya; mengurangkan pengeluaran gas berbahaya ke udara; melindungi kesihatan manusia dan biodiversiti; melonjakkan ekonomi serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang lebih baik.

Justeru, menurut Rozali, Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy 2021 - 2030 dirangka untuk mencapai bandar yang lebih bersih dan kompetitif dalam integrasi pemain ekonomi, penduduk, pengguna serta masyarakat setempat.

"Pelan tindakan ini menjadi petunjuk yang jelas serta mempunyai pendekatan holistik dalam menghadapi cabaran baharu pada dekad akan datang dan mempunyai lapan (8) Bidang Keberhasilan Utama atau *Key Results Area* (KRA).

"(Dan) setiap KRA ini telah ditetapkan KPI (Indeks Prestasi Utama) yang perlu dicapai mengikut tahun.

"Bagi tahun 2022 ini, disasarkan 70 peratus kadar kitar semula; lima peratus penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE); mewujudkan pusat pemprosesan sisa binaan dan Dasar Extended Producer Responsibility (EPR) di Seberang Perai.

"Pada tahun 2025 pula, disasarkan 75 peratus kadar kitar semula; 50 peratus pelencongan sisa makanan; 40 peratus pengurangan kebergantungan tapak pelupusan; 20 peratus penggunaan RE dan pelaksanaan Dasar EPR.

"Manakala, tahun 2030 nanti, disasarkan 80 kadar kitar semula; 90 peratus pelencongan sisa makanan; 30 peratus penggunaan RE; mewujudkan sistem sisa kepada tenaga (WTE) dan mencapai status Bandar Raya Sisa Sifar.

"Kalau dilihat semua KRA ini, saya berpandangan ia *'doable'* dan boleh direalisasikan," ulasnya yang turut berhasrat melihat Seberang Perai menjadi Bandar Raya Sifar Karbon menjelang tahun 2050 nanti.

## *Bougainvillea Belt* antara pencapaian terbaik sebagai Datuk Bandar

Apabila diajukan soalan mengenai pencapaian terbaik sepanjang berkhidmat sebagai Datuk Bandar, Rozali berkata bahawa setiap pencapaian terbaik perlulah menepati kehendak rakyat dan bertepatan dengan Visi Penang2030.

"Wawasan dan sasaran rakyat perlu diterjemah supaya ia menjadi kenyataan dan saya menerapkan gaya *'empowering style of management'* semasa menjadi Datuk Bandar.

"Ini bermakna kita memberi peluang kepada rakyat dan warga kerja di MBSP termasuk wira-wira oren untuk memberi pandangan dan melakukan program serta projek bersama-sama demi kesejahteraan semua.

"Saya percaya pencapaian terbaik ini menjadi kebanggaan seluruh penduduk di Seberang Perai seperti mentransformasikan Seberang Perai sebagai Bandar Rendah Karbon pada Disember 2021, setahun lebih awal dari sasaran asal.

"Selain itu, membina Lingkaran Bougainvillea seluas 15,400 meter persegi dalam persekitaran perumahan yang telah memanfaatkan lebih 50,000 penduduk kerana ia telah menjadi produk pelancongan.

"Lingkaran ini sangat menarik apabila dua kilometer jalan dipenuhi dengan pokok bunga kertas daripada 30 spesies yang terdapat di Asia Tenggara dan projek ini diilhamkan, disempurnakan penanamannya oleh TYT (Tuan Yang Terutama) Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak," ceritanya sambil menyenaraikan jenis-jenis bunga kertas atau lebih dikenali sebagai *bougainvillea*.

Menariknya projek *Bougainvillea Belt* ini turut mempunyai komponen lain seperti laluan basikal, pejalan kaki, dataran kejat, *'ramp'* untuk orang kurang upaya (OKU), alat senaman, ruang penyelenggaraan dan dilengkapi dengan lampu jalan jenis LED.

Difahamkan, projek berkaitan menelan belanja RM913,000 dan telah dirasmikan pada 25 Disember 2021.

Turut menjadi kebanggaan Rozali adalah kewujudan *Upcycle Park*; projek *People's Aquarium* di Bandar Perda yang mana ikan dipelihara dalam parit monsun; Eko Koridor; inisiatif *One Baby One Tree Park*; projek *Cycle to Work; 20 Minutes Neighbourhood* dan MBSP menjadi PBT pertama dalam negara yang menandatangani perjanjian persefahaman *Supply Agreement of Renewable Energy* (SARE) bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX pada 17 Mei 2019.



BERSAMA-sama isteri, Datin Che Limah Ujang meluangkan masa untuk melihat tanaman di laman setiap hari.



RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama pasukan editorial Buletin Mutiara.

## Kehidupan selepas bersara

Walaupun jadual harian kini telah berubah, namun aktiviti harian yang sering dilakukan masih kekal.

"Demi menjaga kesihatan, saya ada juga meluangkan masa berbasikal.

"Saya juga kini banyak meluangkan masa berkebun bersama-sama isteri terutama sebelah pagi yang mana sebelum ini saya lakukan sekali-sekala sahaja.

"Selain itu, walaupun bersara, saya masih lagi melaksanakan tugasan memantau dan menasihat gerak kerja di MBSP serta badan-badan berkaitan yang lain… biasalah proses peralihan akan memakan masa sedikit," katanya yang membawa penulis dan jurugambar meninjau di sekitar kawasan rumahnya.

Selain tanaman bunga-bungaan, Rozali dan isteri turut menanam tanaman jenis herba dan sayur-sayuran seperti bayam 'Brazil', daun sup, daun pudina, daun kesum dan cili. Juga buah-buahan seperti buah naga, pisang dan ciku.

## Hasrat bukukan pengalaman 22 tahun

Menyimpan hasrat untuk menulis dan menghasilkan buku, Rozali kini mencari pakar dalam bidang penulisan dan penghasilan buku.

"Saya memang berhasrat untuk menulis buku mengenai perancangan strategik dan sekarang ini sedang mencari peluang untuk berkolaborasi menghasilkan buku selain mencari penaja yang sudi menaja penghasilan buku tersebut.

"(Dan) dalam buku ini, saya akan berkongsi pengalaman saya selama 22 tahun dalam bidang perancangan strategik.

"Rugi sekiranya perancangan strategik ini tidak difahami dan dipelajari terutama generasi masa kini," katanya.

Beliau dalam pada itu turut berkongsi pengalaman ketika memulakan kerjaya dalam sektor awam.

Bagi Rozali, tidak kira dalam bidang atau sektor mana pun, paling utama adalah keinginan untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan mahu menimba pengalaman menjadi kunci kejayaan dalam lapangan kerja.

"Kita perlu setkan minda setiap hari dan apabila kita buat kerja janganlah berkira.

"Adakala sesetengah (individu) menganggapnya sebagai buli, tetapi sebenarnya bukan buli itulah pengalaman yang kita 'timba' dan akan bawa sampai bila-bila.

"Saya sendiri beberapa kali menyahut cabaran untuk melakukan lebih kerja, bukan nak tunjuk kita ini bagus, tidak tetapi untuk diri kita sendiri mengambilnya sebagai 'bonus'," ujarnya yang turut memberi nasihat supaya sentiasa mencuba sesuatu yang baru dan melakukan perubahan untuk peningkatan pengetahuan serta pengalaman.

# ZPP sumbang enam van jenazah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEBERANG JAYA –** Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyumbang enam buah van jenazah kepada enam masjid membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM872,280.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk melancarkan lagi aspek pengurusan jenazah di masjid-masjid berkaitan.

"Sumbangan ini adalah daripada ZPP dengan perbelanjaan sebanyak RM145,380 bagi sebuah van, dan dengan penyerahan ini diharap dapat memudahkan lagi urusan jenazah di masjid-masjid.

"Kita faham bahawa di masjid-masjid ini sudah ada van jenazah masing-masing tetapi mungkin jumlahnya tidak mencukupi.



**VAN jenazah berserta kelengkapan yang disumbangkan.**

"Walaupun van jenazah ini diserahkan kepada masjid daerah tetapi boleh juga digunakan oleh masjid-masjid kariah dan surau berdekatan sekiranya diperlukan.

"Justeru, kita ucapkan terima kasih kepada pembayar zakat yang terus komited membayar zakat kepada ZPP dan dan isya-Allah kita akan agihkan (zakat) untuk manfaat umat Islam di seluruh negeri," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti selepas menyempurkan majlis penyerahan sumbangan tersebut dekat Masjid Daerah Seberang Perai Tengah di sini 17 Februari lalu.

Sumbangan van jenazah berkenaan diserahkan oleh Ahmad Zakiyuddin kepada pengerusi jawatankuasa kariah masjid bagi Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Masjid Daerah Barat Daya, Masjid Negeri serta Masjid Abdullah Fahim Kepala Batas.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menyerahkan replika kunci van jenazah kepada salah seorang wakil penerima di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berkata bahawa sumbangan berkenaan adalah di bawah program agihan zakat Asnaf Fisabilillah untuk semua masjid daerah di seluruh negeri.

"Semua masjid daerah mendapat sebuah van yang mana bukan sahaja digunakan untuk masjid tersebut tetapi juga oleh masjid kariah serta surau di bawah masjid daerah sekiranya berlaku pertindihan atau kematian melebihi seorang atau dua orang.

"Oleh itu, kita harap van jenazah ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh jemaah atau ahli-ahli kariah masjid," ulasnya.



# WAKAF PULAU

## Instrumen pemantapan

**HASIL** kutipan dana wakaf bagi sepanjang tahun 2021 meningkat sebanyak 150 peratus berbanding tahun sebelumnya merupakan antara kejayaan besar yang wajar diraikan pihak Wakaf Pulau Pinang (WPP) sejak agensi negeri itu ditubuhkan pada 1 Januari 2018.

Demikian antara inti ucapan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama (TYT), Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak semasa merasmikan Majlis Apresiasi Sekapur Sireh WPP pada 28 Februari 2022.

"Saya juga titipkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah buat barisan amil melibatkan 231 kariah yang bertungkus-lumus melaksanakan gerak kerja dalam menyebarluaskan kesedaran kepentingan berwakaf kepada rakyat Pulau Pinang.

"Saya difahamkan, kutipan dana wakaf keseluruhan pada tahun 2021 meningkat sebanyak 150 peratus berbanding tahun 2020.

"Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan buat para penyumbang dana wakaf," katanya sambil berharap WPP akan terus memainkan peranan dalam mengayakan manfaat daripada tanah dan hartanah wakaf di negeri Pulau Pinang.

Pada majlis sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut menzahirkan penghargaan yang sama kepada seluruh kepimpinan WPP.

"Statistik menunjukkan peningkatan kutipan pada tahun 2021 (tahun lepas) adalah hampir 150 peratus berbanding kutipan pada tahun 2020.

"Kesannya, pelbagai projek berkaitan wakaf telah berjaya dilaksanakan dan pelbagai projek baharu turut dirangka yang pastinya membawa banyak manfaat kepada masyarakat terutamanya dalam membangunkan ekonomi ummah sebagaimana dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Wakaf Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.




ROSIDI Hussain (kanan sekali) bersama-sama Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak (tengah) dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada Majlis Apresiasi Sekapur Sireh WPP baru-baru ini.

### Sempat ditemu bual

Sejurus majlis tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berpeluang menemu bual CEO WPP, **ROSIDI HUSSAIN**.

Menurut Rosidi, ada begitu ramai pihak serta rakan strategik di sebalik kejayaan WPP pada hari ini.

"Saya ingin titipkan penghargaan dan tahniah buat barisan amil melibatkan 231 kariah masjid yang telah bertungkus-lumus melaksanakan gerak kerja dalam menyebarkan kesedaran kepentingan berwakaf kepada rakyat Pulau Pinang.

"Hasil usaha sama pelbagai pihak, Kutipan Tunai Wakaf Pulau Pinang telah berjaya dikumpul sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2021 (yang menyamai) peningkatan kutipan tunai adalah sebanyak 150 peratus berbanding tahun 2020," ujarnya.

Sebagai penghargaan, Rosidi menyatakan bahawa WPP pada hari ini berbesar hati untuk menyampaikan Anugerah Khas kepada 11 masjid yang telah membuat Kutipan Dana Wakaf Terbaik 2021.

Tambah beliau, WPP sedang berusaha meramaikan lagi 'rakan strategik' tidak terhad kepada barisan amil yang mengutip dana wakaf di peringkat masjid.

"Tidak lupa juga, 13 ejen wakalah telah dilantik melibatkan beberapa individu serta agensi yang turut bertungkus-lumus mengerah tenaga mengumpul Dana Wakaf Tunai bukan sahaja di sekitar Pulau Pinang, malahan di seluruh Malaysia dan seterusnya menjadi antara penyumbang terbesar kepada jumlah terkumpul Dana Wakaf ini," ulasnya.

Selain penghargaan kepada WPP, difahamkan Rosidi sendiri baru-baru ini diiktiraf sebagai Ahli Majlis Penasihat ASEAN Madinatussalam, Thailand.

"Itu, bukan kejayaan saya seorang, tetapi kejayaan seluruh warga kerja WPP kerana berjaya memperkenalkan institusi wakaf negeri pada peringkat antarabangsa, seterusnya mengangkat martabat ummah," ujarnya sambil mengucapkan penghargaan buat Ahmad Zakiyuddin kerana memberi kepercayaan kepada dirinya.

### Hartanah & tanah

Tanpa menoleh ke belakang, Rosidi memberitahu bahawa WPP ada tanggungjawab yang lebih besar selain meningkatkan jumlah dana wakaf tunai.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa WPP mempunyai tanggungjawab untuk menguruskan bank tanah wakaf di negeri Pulau Pinang seluas kira-kira 1,253.64 ekar.

"Sebagai syarikat milikan penuh di bawah MAINPP, kita (WPP) sentiasa komited untuk menjalankan tiga fungsi utama iaitu membangunkan tanah-tanah wakaf yang berpotensi, menguruskan aset-aset wakaf di Pulau Pinang serta menjalankan kerja-kerja promosi bagi mengumpul kutipan dana wakaf tunai.

"Pada tahun 2021, Ahli Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang telah memutuskan dan bersetuju untuk memajukan dua bidang tanah seluas 2.3 ekar di Bayan Lepas dan 1.9 ekar di Bagan Lalang serta Butterworth.

"Dengan sokongan TERAJU (Peneraju Agenda Bumiputera) melalui Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), pihak pemaju usahasama tanah wakaf Zuricon Sendirian Berhad akan mendapat pembiayaan projek sebanyak RM32.8 juta.

"Dengan pembiayaan tersebut, projek ini dapat berjalan mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama.

# PINANG sosioekonomi ummah

"Pada Januari 2022, kita telah membuka tender secara terbuka untuk pembangunan dan pemajuan sebidang tanah di Kuala Mengkuang, Bukit Mertajam. Nilaian projek bernilai RM170 juta," jelasnya.

### Membangunkan RMM

Secara sederhana juga, Rosidi memberitahu bahawa WPP juga berhasrat untuk mencari rakan strategik dalam membangunkan Rumah Mampu Milik (RMM) yang diperlukan oleh umat Islam di Pulau Pinang.

"Insya-Allah WPP telah bersedia untuk terus meneroka konsep baru wakaf dan melestarikan pembangunan wakaf yang mampan dengan mengutamakan pembangunan RMM kepada umat Islam.

"Oleh itu, pada 18 Februari 2022 terpahat dalam sejarah apabila satu MoU (Perjanjian Persefahaman) termeterai antara WPP serta pihak pemaju untuk pembangunan tanah wakaf di Bayan Lepas dan Bagan Lalang.

"Begitu juga pada 3 Mac 2022 bertempat di pejabat Tun (TYT), satu MoU ditandatangani antara WPP dengan *Maybank Islamic* atau anak syarikat untuk kami menjalankan usaha sama meneroka peluang penglibatan institusi kewangan dalam menyediakan *project financing, end financing* dan juga pengurusan aset seperti konsep RTO (skim sewa beli) di samping yang paling utama iaitu menyediakan RMM kepada masyarakat Pulau Pinang," ujarnya lanjut.

### Meluaskan jaringan rakan strategik

Selain pembinaaan RMM, Rosidi menyatakan bahawa WPP juga telah mengadakan kerjasama strategik dengan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) apabila dilantik menjadi Perunding Pengurusan Projek (PMC) untuk projek pembangunan kampus tetap yang dipanggil KITAB Smart City Campus di Batu Kawan.

"Projek bernilai hampir RM400 juta ini apabila siap kelak bakal menjadi mercu tanda pembangunan pendidikan Islam di Pulau Pinang.

"Kami warga kerja WPP sentiasa serius dan sangat komited untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh demi merealisasikan apa jua ketetapan yang telah diputuskan oleh pihak atasan," tegasnya.

### Harapan

Mengakhiri wawancara hampir 30 minit tersebut, Rosidi berkata bahawa beliau secara peribadi meletakkan harapan yang tinggi agar segala perancangan WPP mendapat sokongan tidak berbelah bahagi pada peringkat Kerajaan Negeri, MAINPP, Ahli Lembaga Pengarah WPP dan seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

"Pelbagai pendekatan dan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan WPP mendapat sokongan semua pihak berkenaan, antaranya, menerusi Laporan Tahunan Wakaf Pulau Pinang 2021.

